



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



# AT-TAQWA

Diterbitkan oleh : JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

web : [www.muftiselangor.gov.my](http://www.muftiselangor.gov.my) emel : [attaqwa@muftiselangor.gov.my](mailto:attaqwa@muftiselangor.gov.my)

التقوى

## Sinar Pembaharuan Peluang Perbaiki Integriti Diri

"Setiap perancangan dan tindakan yang cemerlang itu datangnya dari integriti yang gemilang. Integriti gemilang ini tentunya berpaksikan kepada tabiat yang baik. Tabiat yang baik itu pula datang dari roh atau jiwa yang bersih lagi suci."

Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.  
Disember 2006



Keputusan Fatwa Negeri Selangor  
*Ajaran Islam Jamaah*



Isu dan Permasalahan Semasa  
*Hukum Menukar Status Jantina di MyKad*



Informasi Falak  
*Gerbana Bulan*

Artikel  
*Bahaya Pemikiran Islam Liberal*

**PENAUNG**

Sahibus Samahah

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas B. Abd. Wahid  
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor**PENASIHAT**

Sahibus Samahah

Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar  
Timbalan Mufti Negeri Selangor**KETUA PENGARANG**

Ustaz Hj Mohd Basori B. Umar

**KETUA EDITOR**

Encik Mohammad Nabil B. Haji Abu Naim

**SIDANG PENGARANG**Ustaz Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman  
Encik Abdul Razak B. Johar  
Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan  
Ustaz Hairul Anuar B. Samingan  
Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor  
Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim  
Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan**SIDANG EDITOR**Encik Yusrie Tay Kay Seng  
Encik Ahmad Azhar bin Ahmad Radzuan  
Cik Umi Sofiah Bt. Saad  
Cik Noor Azlenna Bt. Mohd Zainuddin  
Cik Norliida Bt. Abdullah**JURUTAIP**Ustazah Siti Maswari Bt. Daem  
Puan Norwashifah Bt. Radzuan**EDARAN**Encik Khalid B. Abdul Hamid  
Tuan Hj. Zasali B. Mohd. Yunus  
Encik Amiruddin B. Hamzah  
Encik Hanif B. Mohd Arif**DIREKABENTUK & DICETAK OLEH**Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.  
Kota Damansara  
03-6156 4938**Sahibus Samahah  
Dato' Seri Utama Diraja  
Mufti Negeri Selangor**

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan kehadrat Allah s.w.t. yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayahNya kepada kita semua sehingga dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah. Selawat serta salam sejahtera sentiasa dilimpahkan kepada pemimpin agung sepanjang zaman, Nabi Muhammad s.a.w., para ahli keluarga, sahabat, tabi'in dan generasi selanjutnya yang mengikuti jejak langkah mereka sehingga ke akhir zaman nanti.

Muhammad s.a.w., para ahli keluarga, sahabat, tabi'in dan generasi selanjutnya yang mengikuti jejak langkah mereka sehingga ke akhir zaman nanti.

Tahun 2006 ini terasa agak singkat kerana tanpa disedari kita kini berada di penghujungnya. Inilah masa yang difikirkan begitu sesuai untuk kita semua bersama-sama melakukan muhasabah diri dan menilai semula tahap pencapaian kita di sepanjang tahun ini. Lazimnya pada masa ini setiap individu akan menyediakan resolusi masing-masing. Jadi kita perlu bertanya kepada diri kita sendiri dengan sejujurnya tentang pencapaian terhadap sasaran kerja yang telah dirancang. Apakah kelemahan yang dapat dikesan? dan apakah pula usaha yang dirancang untuk mengatasi kelemahan ini? dan juga apakah langkah penambahbaikan yang telah kita laksanakan bagi memantapkan lagi prestasi dan produktiviti kita pada setiap masa?

Setiap perancangan dan tindakan yang cemerlang itu datangnya dari integriti yang gemilang. Integriti gemilang ini tentunya berpaksikan kepada tabiat yang baik. Tabiat yang baik itu pula datang dari roh atau jiwa yang bersih lagi suci. Ini bermakna bahawa kita tidak boleh mengharapkan seseorang itu menjadi baik tanpa jiwanya itu bersedia untuk menjadi baik. Dengan lain perkataan, kebaikan seseorang itu adalah suatu masalah dalaman atau jiwa atau roh. Ia tidak boleh direka-reka atau dilakonkan.

Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Dari maksud yang didapati dari Kamus di atas, integriti merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi dan boleh dipercayai. Maksud integriti disini begitu positif sekali.

Sebagai penjawat awam adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan integriti yang gemilang. Bagi mewujudkan sikap yang diperlukan, kita hendaklah berlandaskan kepada nilai-nilai murni Al-Quran dan As-Sunnah.

Kita perlu bersyukur dengan keamanan, kemakmuran, kesejahteraan, pembangunan dan kestabilan Negeri ini yang semakin kukuh. Ini adalah hasil daripada kesefahaman dan keserasian semua pihak serta dasar Kerajaan yang telah menerajui negara ini.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah s.w.t di dunia dan akhirat, amin!.

## Isi Kandungan Buletin At-Taqwa Bil. 10

|                                                                     |       |                                  |       |
|---------------------------------------------------------------------|-------|----------------------------------|-------|
| Aktiviti Jabatan Mufti Selangor                                     | ms 3  | Kemasyarakatan Agama             | ms 12 |
| Keputusan Fatwa Negeri Selangor - Ajaran Islam Jamaah               | ms 5  | Segmen Jawi                      | ms 14 |
| Artikel - Bahaya Pemikiran Islam Liberal                            | ms 6  | Informasi Falak                  | ms 16 |
| Isu Dan Permasalahan Semasa - Hukum Menukar Status Jantina di MyKad | ms 8  | Instrumen Falak - Tongkat Istiwa | ms 18 |
| Lensa                                                               | ms 10 | Informasi Kiblat                 | ms 19 |
|                                                                     |       | Renungan - Mutiara Kata          | ms 20 |



# JABATAN MUFTI SELANGOR

PADA ABAD KE 21

Oleh: **Encik Abdul Razak B. Johar** (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)

## 1. PROGRAM TURUN PADANG JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

### a) Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah/Sesat Siri – 1.

Tarikh : 21 Mac, 2006.

Tempat : Kompleks Sri Siantan, Selayang.

Fokus ajaran : Ajaran Ahmadiyah / Qadiani.

Peserta : 200 orang

### b) Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah/Sesat Siri – 2.

Tarikh : 17 Mei, 2006.

Tempat : Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Ampang.

Fokus ajaran : Ajaran Ahmadiyah / Qadiani.  
Ajaran Hj. Kahar bin Ahmad (Rasul Melayu).

Peserta : 500 orang

### c) Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah/Sesat Siri – 3.

Tarikh : 18 Julai, 2006.

Tempat : Dewan Hamzah, Klang.

Fokus ajaran : Ajaran Islam Jamaah.

Peserta : 350 orang

### d) Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah/Sesat Siri – 4.

Tarikh : 23 September, 2006.

Tempat : Dewan Sri Jugra, Kuala Langat.

Fokus ajaran : Ajaran Islam Jamaah.

Peserta : 200 orang

## 2. MAJLIS CERAPAN RASMI RAMADHAN 1427H

Pada 22 September, 2006 bersamaan 29 Sya'ban 1427H, telah diadakan majlis cerapan rasmi Hilal Ramadhan 1427H/2006 bagi menentukan awal Ramadhan. Cerapan ini dijalankan serentak di tiga lokasi yang telah ditetapkan di negeri Selangor iaitu di Baitulhilar Bukit Malawati Kuala Selangor, Baitulhilar Pulau Angsa Kuala Selangor dan Baitulhilar Bukit Jugra Kuala Langat. Dalam masa yang sama satu majlis penyerahan Baitul

Hilal Pulau Angsa telah diadakan antara Jabatan Kerjasama Selangor dan Jabatan ini setelah kerja-kerja menaiktaraf selesai dijalankan.

## 3. KURSUS PENGURUSAN FATWA

Pada 15 Julai 2006 hingga 8 Oktober, 2006 Ustaz Hj. Mohd Basori bin Umar, Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Istibat) telah mengikuti Kursus Pengurusan Fatwa di Universiti Al-Azhar As-Sharif, Kaherah, Mesir anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan kerja dalam bidang tugas masing-masing terhadap tanggungjawab dalam mengurus pembangunan Hal Ehwal Islam ke arah melahirkan ummah yang progresif dan berakhlak mulia.

## 4. LAWATAN KESEDARAN DAN KEINSAFAN DIRI KE KAMPUCHEA

Pada 14 hingga 17 September, 2006 Tuan Hj Zasali bin Mohd Yunus, Pemandu Kenderaan Bermotor telah terpilih untuk mengikuti program Lawatan Kesedaran dan Keinsafan Diri ke Kampuchea anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Objektif lawatan ini diadakan bertujuan untuk melahirkan rasa keinsafan di kalangan peserta tentang kesusahan, keperitan hidup dan kesengsaraan yang dialami oleh penduduk negara tersebut. Ia juga bertujuan untuk menanam dan melahirkan sikap sentiasa bersyukur terhadap nikmat kurniaan Allah s.w.t.

## 5. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Encik Abdul Razak bin Johar, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 dan Ustaz Hairul Anuar B. Samingan, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 kerana telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2005. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 15 September, 2006 bertempat di Kelab Shah Alam Selangor.

## 6. LAWATAN SAMBIL BELAJAR GURU DAN PELAJAR S.R.A. SUNGAI HAJI DORANI, SG. BESAR.


Pada 11 September, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan seramai 44 orang ahli rombongan yang terdiri daripada 8 orang guru dan 32 orang murid dari Sekolah Rendah Agama Sungai Haji Dorani, Sungai Besar.

## 7. LAWATAN AHLI PANEL ANUGERAH PENGURUSAN PERKHIDMATAN CEMERLANG (APPC).

Pada 15 Ogos, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah dikunjungi oleh 9 orang Ahli Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Negeri Selangor bagi membuat penilaian terhadap Jabatan ini bagi anugerah tersebut. Penilaian yang dilakukan adalah mencakupi Pengurusan Keselamatan Pejabat, Persekitaran Pejabat dan ICT, Pengurusan Kualiti dan Kepuasan Pelanggan, Pengurusan Kewangan serta Pengurusan Perkhidmatan dan Nilai-nilai Murni. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak pentadbiran di Jabatan ini bagi memastikan anugerah yang telah diperolehi dapat dikekalkan disamping meningkatkan lagi mutu kerja dalam perkhidmatan awam.

## 8. KONVENSyen FALAK SELANGOR 2006

Pada 15 dan 16 Julai, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor bersama Kolej Universiti Antarabangsa Selangor telah mengadakan



Konvensyen Falak Selangor 2006 bertempat di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. Di antara aktiviti konvensyen ini adalah pameran Falak Syarie, jualan instrument Falak, pembentangan kertas kerja, cerapan perdana cakerawala, pertandingan kuiz, melukis, mewarna dan menjawab teks rumi, talk-show mengenali alam cakerawala dan bengkel membina spektrohelioskop. Lebih 700 peserta telah menyertai konvensyen ini.

#### 9. ANUGERAH TOKOH GURU 2006

Pada 25 Mei, 2006 S.S Dato' Hj. Abdul Majid B. Omar, Timbalan Mufti Negeri Selangor telah dipilih sebagai Tokoh Guru Negeri Selangor 2006 pada Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru 2006 Peringkat Negeri Selangor. Sebelum bertugas di Jabatan Mufti Negeri Selangor, beliau merupakan seorang guru yang aktif selama lebih 30 tahun. Pernah bertugas di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Kuala Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sabak Bernam, Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah, Mesir dan di Jabatan Pelajaran Selangor sehingga bersara pada tahun 1995.

#### 10. MUZAKARAH FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-73.

Pada 4 hingga 6 April, 2006. Negeri Selangor telah diberikan mandat dan kepercayaan sebagai tuan rumah bagi menganjurkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwul Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 pada tahun ini yang telah diadakan di Hotel Bluewave, Shah Alam. Jabatan Mufti Negeri Selangor telah diamanahkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menguruskan Muzakarah tersebut. Bagi meraikan peserta Muzakarah Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah hadir di Majlis Makan Malam pada 4 April 2006.

#### 11. SIRI KURSUS FALAK SYARIE:

##### a) Kursus Falak Syarie di KUIS

Pada 21 hingga 23 April, 2006 Jabatan Mufti

Negeri Selangor telah mengadakan Kursus Falak Syarie di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seramai 50 orang peserta telah mengikuti kursus ini

##### b) Rubu' Mujayyab 2006

Pada 9 hingga 11 Mei, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Kursus Rubu' Mujayyab di Hotel Empress Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Seramai 20 orang peserta mengikuti kursus ini yang mana mereka telah didedahkan kepada pengenalan Rubu' Mujayyab, hitungan dengan Rubu' Mujayyab, amali penggunaan Rubu' Mujayyab, perbincangan dan juga penilaian.

##### c) Kursus Falak Syarie di Kuala Selangor.

Pada 28 hingga 29 Mei, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Kursus Falak serta Semakan Istiwa Adzam di SMKA Kuala Selangor dan Cerapan Jamadil Awwal 1427H bertempat di Baitulhilar, Bukit Melawati. Seramai 55 orang peserta telah mengikuti program ini.

#### 12. ISO 9001:2000

##### a) Program Audit Dalaman ISO (9001:2000)

Pada 1 hingga 2 Ogos, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah melaksanakan Audit Dalaman MS ISO 9001:2000 bagi Prosedur Kualiti Bahagian Pentadbiran/Kewangan dan Bahagian Istinbat.

##### b) Bengkel Kajian Semula Dokumen Audit

Pada 28 hingga 30 Ogos, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Bengkel Penambahbaikan Dokumen MS ISO 9001:2000. Bengkel ini diadakan bagi membincangkan penambahbaikan dokumen MS ISO 9001:2000 hasil daripada teguran oleh pihak Audit Dalam jabatan ini.

#### 13. PAMERAN JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

##### a) Pameran Sempena Konvensyen Astronomi USM

Tarikh : 10 hingga 12 Mac, 2006

Tempat : Universiti Sains Malaysia,

Pulau Pinang.

##### b) Pameran Sempena Minggu Falak Syarie 2006 Sekolah Agama Menengah (SAM) Bestari

Tarikh : 14 hingga 15 April, 2006

Tempat : Dewan Bestari SAM Bestari, Subang Jaya.

##### c) Pameran Sempena Bazar Islam

Tarikh : 16 April, 2006.

Tempat : Masjid Al-Mukarramah, Bandar Seri Damansara

##### d) Pameran Sempena Hari Falak / Astronomi 2006.

Tarikh : 6 Mei, 2006

Tempat : Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka.

##### e) Pameran Sempena Ma'rod Mesra Masjid Kali Ke-5

Tarikh : 15 hingga 18 Jun, 2006

Tempat : Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

##### f) Pameran Sempena Tilawah Al-Quran Kebangsaan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-49 Tahun 1427H/2006

Tarikh : 11 hingga 15 Julai, 2006

Tempat : Stadium Melawati, Seksyen 13 Shah Alam.

#### 14. MAJLIS PERPISAHAN PELATIH

Pada 26 Mei 2006 majlis perpisahan telah diadakan bagi meraikan serta menghargai jasa dan bakti Cik Maznah Bt. Hanipa iaitu pelatih dari Politeknik Dungun, Terengganu yang telah menjalani latihan industri di jabatan ini selama 5 bulan mulai dari 09 Januari, 2006 hingga 31 Mei, 2006. Seterusnya pada 5 Jun, 2006 bagi meraikan Cik Norhafilah Bt. Mohd Jamil dan Cik Nurul Hazwani Bt. Hasseim iaitu pelatih dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah menjalani latihan industri di Jabatan Mufti Negeri Selangor mulai 15 Mei, 2006 hingga 9 Jun, 2006.

#### 15. PERTUKARAN KAKITANGAN

Nama Pegawai dan Jawatan

Bertukar Ke

Tarikh

En. Ramli bin Mohd Amin, Pembantu Tadbir, Gred N17

Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

16/08/2006

# AJARAN ISLAM JAMAAH

Oleh: Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istisbat)

## LATAR BELAKANG



Ajaran ini mula diperkenalkan di Jawa Timur, Indonesia pada tahun 1941. Kumpulan ini dikenali dengan pelbagai nama seperti :

- Darul Hadis dan Jamaah di Kediri.
- Yayasan Pondok Jamaah di Kediri, Jawa Timur pada tahun 1967.
- Yayasan Pondok Pesantre Nasional, Jakarta.
- Jamaah Islam Murni di Gunung Kidul, Yogyakarta.
- Islam Haqiqi di Jawa Barat.
- Muhammadiyah.
- Islam Jamaah.
- Islam Manqul.
- Islam Muri.
- Jamaah Pengajian Al Hadis.
- Jamaah Amirul Mukminin.
- Jamaah Hidayah.
- Yayasan Pendidikan Islam Jamaah.

Ajaran ini diasaskan oleh Haji Nurhasan Al-Ubaidah Lubis. Nama sebenar beliau ialah Mohd. Madigol bin Haji Abd. Aziz dan menggelarkan dirinya Amirul Mukminin. Nama Al-Ubaidah diambil sempena nama guru beliau. Manakala Lubis bermaksud luar biasa.

Beliau dilahirkan pada tahun 1948, di Desa Bangi, Papar Kediri, Jawa Timur. Mendapat pendidikan awal di Pondok Kecil Sewelo, dan meneruskan pengajian di tempat-tempat lain.

## CIRI-CIRI KESALAHAN

### 1. Sumpah taat setia (Bai'ah)

Setiap pengikut perlu berbai'ah dengan Haji Nurhasan atau wakilnya dan meyakini beliau sebagai Amirul Mukminin.

### 2. Mendakwa hanya kumpulannya sahaja yang Islam

Menurut Haji Nurhasan bahawa mana-mana orang yang telah memasuki Islam Jamaah telah menjadi Islam yang sebenar manakala orang lain dianggap kafir. Ini berdasarkan apa yang diperkatakan oleh Khalifah Umar Ibnu Khattab yang berbunyi :

Mereka menterjemahkannya dengan maksud berikut :

*"Tidak Islam kecuali berjemaah (Islam Jamaah), tidak berjemaah kecuali berAmir, tidak berAmir kecuali berbai'ah dan tidak berbai'ah kecuali harus taat (kepada Amir)".*

### 3. Amir sebagai sumber hukum

Menurut kumpulan ini, Amir adalah sumber hukum. Oleh itu, Amir akan menentukan segala-galanya ke atas pengikut seperti perkahwinan, perceraian dan sebagainya. Jika anak ingin berkahwin perlu mendapat izin Amir. Poligami dilarang di kalangan pengikut kecuali kepada Amir sahaja.

### 4. Menolak sumber hukum Ijma' dan Qias

Pengikut kumpulan ini tidak menerima Ilmu Fiqah dan Usul Fiqh kerana menganggapnya bid'ah dholalah. Mereka turut menolak hadis nabi yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Mereka hanya menerima hadis yang diterima secara silsilah guru, Imam dan Amirul Mukminin sahaja (Haji Nurhasan Al-Ubaidah).

### 5. Najis mughallazah tidak perlu samak

Menurut kumpulan ini, sekiranya menyentuh anjing dan babi mahupun dalam keadaan basah tidak perlu disamak, kerana mereka menganggapnya tidak najis. Tulang babi juga tidak haram atau najis kerana di dalam Al-Quran menyebutkan hanya daging babi sahaja.

### 6. Sembelihan

Kumpulan ini telah menetapkan bahawa mana-mana binatang yang mati dalam kawasan atau perkampungan orang Islam ia tidak perlu disembelih dan halal dimakan.

### 7. Melakukan sembahyang Jumaat di rumah

Kumpulan ini berpendapat bahawa sembahyang Jumaat secara berjemaah di masjid itu hanyalah adat sahaja, bukannya suatu kewajipan dengan alasan sembahyang boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

### 8. Tafsiran air dua kolah dan musta'mal

Kumpulan ini mentafsirkan bahawa pada umumnya yang dimaksudkan air dua kolah itu tiada sukatan yang sebenar. Terpuang kepada seseorang itu untuk membuat sukatan. Jika ia berpendapat sukatannya satu baldi maka itulah sukatan yang sebenarnya. Manakala tafsiran air musta'mal pula ialah air bertakung yang sudah bercampur najis manusia.



*\* Ajaran Islam Jamaah telah diwartakan sebagai ajaran salah/sesat pada 24 September 1998.*

# BAHAYA PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Oleh: Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan (Bahagian Istisbat)

## Pendahuluan

Masyarakat Islam ketika ini dikejutkan dengan kelahiran fahaman Islam Liberal yang semakin tersebar dan ianya mengundang bahaya yang bukan sedikit untuk diberikan perhatian. Kelahiran fahaman serta golongan yang mendokong pemikiran ini adalah amat dikhuatiri di negara kita kerana golongan ini dilihat cuba mentafsirkan ajaran agama Islam dari sudut yang longgar. Pemikiran Islam Liberal ini dikaitkan dengan tujuan golongan seperti ini untuk mentransformasikan semula ajaran Islam dalam ruang lingkup pemikiran yang baru. Mereka berpendapat umat Islam hari ini mundur dan tidak dapat bersaing dalam ledakan globalisasi adalah disebabkan terlalu berpegang kepada ajaran agama yang sempit. Oleh itu, golongan ini tampil dengan hasrat untuk menanganinya tetapi dalam satu bentuk pemikiran yang sekular dan melangkaui batasan agama Islam itu sendiri.

## Islam Liberal: Aliran Pemikiran Terkini

Wacana pemikiran Islam terkini telah menyaksikan kemunculan aliran Islam Liberal yang lebih bebas dalam mentafsirkan sebahagian ajaran-ajaran agama. Berlandaskan semangat pembebasan yang kadangkala diistilahkan sebagai *Islamic Protestantism*, kelompok ini jelas sedang mendapat tempat dalam wacana pemikiran Islam semasa dengan mencanangkan tujuan pembebasan umat Islam dari belunggu fahaman lama dan cengkaman dominasi tafsiran golongan ulama'.

Aliran ini mempunyai hubungan yang rapat dengan aliran modenis awal. Charles Kurzman, seorang ahli sosiologi dari Universiti North Carolina dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book*, berpandangan bahawa idea Islam liberal ini sudah bermula dengan pandangan-pandangan pembaharuan pemikir-pemikir awal Timur Tengah seperti Rif'at al-Tahtawi, Ali Abd Raziq, kemudiannya diteruskan oleh beberapa pengkagum Barat seperti Sorborne, Hasan Hanafi dan Muhammad Arkoun dan yang lain-lain seperti Faraj Fawdah, Muhammad Said al-Asmawi, Nasr Abu Zayd dan Wahid Raf'at.

Disebabkan perkembangan dan perbahasannya yang agresif, tidak hairanlah aliran Islam Liberal ini begitu pantas merebak hingga ke rantau Asia Tenggara. Di Indonesia, aliran ini sedang hebat berkembang di atas nama Jaringan Islam Liberal (JIL) serta didokong oleh sebilangan golongan muda dengan membina laman web yang begitu produktif selain berjaya menguasai pentas dan wahana penyiaran seperti radio, televisyen dan akhbar bagi menyebarkan pandangan-pandangan mereka. Kehadiran kelompok Islam Liberal ini ternyata menimbulkan polemik dan kontroversi yang berterusan di Indonesia. Ini terbukti apabila pemimpin utama mereka, Ulli Absar Abdallah tidak lama dahulu telah diisytihar murtad oleh Majlis Ulama' Indonesia (MUI).

Pada tanggapan awal, pemikiran Islam Liberal ini nampaknya tidaklah bersifat negatif. Seperti golongan modenis, mereka juga menyeru ke arah pembukaan pintu ijtihad dan penyeruan ke arah kefahaman Islam yang terbuka dan progresif dengan tujuan untuk memajukan pemikiran umat Islam. Namun, arah aliran fahaman Islam mereka mempunyai kecenderungan untuk melewati batas keagamaan apabila mereka menuntut tafsiran Islam yang pelbagai (*pluralis*) dan subjektif, pemisahan politik dan agama, dan pembebasan dari tafsiran ulama' Islam. Istilah-istilah yang digunakan dalam wacana mereka juga agak membimbangkan seperti Islam warna-warni, Islam tanpa Syariah, al-Quran Edisi Kritis dan mengenalpasti akar-akar sekularisme dalam Islam. Dengan mendakwa mereka mengembalikan semangat Mu'tazilah dalam tradisi pemikiran Islam, ternyata kelompok Islam Liberal telah pergi lebih jauh tersasar dari apa yang dipegang oleh kaum Mu'tazilah sendiri. Malah, mereka juga ingin membangkitkan semangat pencerahan (*enlightenment*) dan kebangkitan semula (*renaissance*) sepertimana yang berlaku dalam tradisi Barat. Sementara itu, pengaruh pembaharuan agama Kristian dan aliran Orientalisme terhadap aliran ini, dapat dilihat dari dialog dan perbahasan yang dilakukan oleh ahli-ahli Islam Liberal terutama di Indonesia.

Aliran Islam Liberal juga bergerak sebagai satu gerakan pembebasan. Jika merujuk secara khusus kepada Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia, mereka menjelaskan bahawa istilah liberal yang digunakan bukan sekadar bermaksud kebebasan tetapi juga mempunyai maksud yang lebih cergas dan agresif iaitu membebaskan (*liberating*). Oleh yang demikian, mereka mempunyai tujuan besar untuk membebaskan masyarakat Islam dari belunggu tafsiran agama yang dianggap sempit. Istilah 'liberal' juga merupakan kata sifat yang diletakkan kepada Islam bagi menggambarkan pendirian kepelbagaian (*pluralism*) golongan ini dan penegasan bahawa Islam adalah terbuka kepada pelbagai tafsiran. Kesemua tafsiran menurut mereka, termasuk tafsiran dari aliran Islam Liberal, adalah sah.

## Gagasan Utama Pemikiran Islam Liberal

Berdasarkan kenyataan Jaringan Islam Liberal, antara gagasan penting pemikiran mereka ialah:

- i) Keterbukaan pintu ijtihad dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang akidah dan ibadah. Perkara yang telah diijma'kan oleh para ulama' juga tidak lari dari sesuatu yang memerlukan ijtihad kembali;
- ii) Penekanan kepada semangat religio etik bukan kepada literal sebuah teks. Ini bermakna sesuatu pernyataan dari sumber agama, samada al-Quran atau hadis, hendaklah dilihat dari persekitaran makna sejarah dan tujuan ianya diutarakan;
- iii) Kebenaran yang relatif, terbuka dan plural. Ini berdasarkan bahawa setiap penafsiran agama dianggap sebagai 'kegiatan manusiawi' yang terkongkong dengan lingkungan sejarah dan keperluan semasa yang berubah-ubah. Justeru, ia akan sentiasa terbuka kepada kesilapan;
- iv) Pemihakan kepada golongan minoriti dan yang tertindas. Maka, atas nama keadilan, golongan minoriti harus dibela. Golongan ini termasuk

- minoriti agama, etnik, ras, budaya dan jantina;
- v) Kebebasan beragama dan kepercayaan. Persoalan agama, menurut mereka adalah hak peribadi yang harus dilindungi, maka tidak ada pemaksaan kepada sesuatu kepercayaan yang dipilih oleh seseorang individu;
- vi) Pemisahan antara duniawi dan ukhrawi, agama dan siasah. Agama tidak boleh dijadikan nilai yang dipaksa dalam bidang

siasah kerana ia adalah milik perseorangan dan persendirian. Justeru itu, bidang siasah seharusnya bebas agama.

### Penutup

Isu dan permasalahan berkaitan pemikiran Islam Liberal kini sedang rancak menular di Indonesia, tetapi tidak mustahil ia boleh mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun Islam telah termaktub sebagai agama Persekutuan, namun apabila tekanan globalisasi tidak

ditangani secara berhemah dan bijaksana, maka di sana akan timbul kelompok-kelompok atau kumpulan yang akan mengambil kesempatan di atas kelemahan dan kelekatan kita, umat Islam hari ini. Oleh itu, kesediaan dan kesungguhan semua pihak bagi menangani permasalahan yang bukan sedikit boleh merosakkan pemikiran dan aqidah ini, amatlah diperlukan demi menjamin kelangsungan syiar Islam.

## GENERASI ISLAM YANG BERNILAI & KUALITI TINGGI

*Umar Ibn al-Khattab r.a. mengajak para sahabatnya yang sedang berhimpun di sebuah rumah supaya berkongsi apa yang paling mereka inginkan ketika itu.*

Seorang daripada mereka bersuara, "Ya Amirul Mukminin, aku inginkan agar rumah ini dipenuhi emas yang nanti akan aku belanjakan di jalan Allah".

Seorang yang lain pula berkata, "Aku pula inginkan agar rumah ini dipenuhi dengan intan permata yang akan aku sedekahkan di jalan Allah".


Begitulah seterusnya sehingga tiba giliran Umar Ibn al-Khattab. Mereka bertanya, "Kami tidak tahu apa lagi yang harus kami katakan, wahai Amirul-mukminin. Apa pula keinginanmu?"

Umar ibn al-Khattab menjawab, "Aku mempunyai keinginan lain. Aku menginginkan sejumlah orang-orang hebat seperti Abu Ubaydah ibn al-Jarrah, Mu'az ibn Jabal, dan Salim Maula Abi Huzaifah, untuk membantu aku memperjuangkan Kalimah Allah".

Keinginan yang disuarakan oleh Umar ibn al-Khattab bukan sekadar keinginan biasa. Ia membawa pengajaran yang bermakna iaitu tentang peri pentingnya membina generasi Islam yang mempunyai nilai dan kualiti tinggi untuk melaksanakan impian dan cita-cita umat. Keperibadian seperti Abu Ubaidah, Muaz ibn Jabal dan sahabat-sahabat lain telah membantu Rasulullah s.a.w. menegakkan Islam di benua Arab dalam masa yang singkat sekali.

Keperibadian sahabat-sahabat Rasulullah jelas menunjukkan betapa mereka dicorak dan dipandu oleh nilai-nilai Islam.

Bahkan tidak keterlaluan untuk kita katakan di sini bahawa kesinambungan maruah masyarakat Islam bergantung kepada keupayaan kita membentuk generasi baru yang menghayati nilai-nilai Islam.



# HUKUM MENUKAR STATUS JANTINA DI MYKAD

Oleh: **Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor** (Bahagian Istisbat)

## Pengenalan

Golongan transeksual adalah golongan yang menghadapi kekeliruan identiti. Kebanyakan golongan transeksual menganggap diri mereka terperangkap dalam fizikal jantina yang berlawanan dengan minda dan perasaan mereka. Keyakinan ini mendorong segelintir daripada komuniti ini nekad melakukan pembedahan menukar jantina dan memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar status jantina di dalam kad pengenalan mereka.

## Definisi Khuntha dan Mukhannath

Khuntha ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau lubang khusus yang terdapat pada tempat kemaluan seperti alat membuang air kecil. Ulama' Fiqh membahagikan khuntha kepada dua Khuntha Wadhih dan Khuntha Musykil.

### 1) Khuntha Wadhih

Khuntha Wadhih (ghair musykil) ialah khuntha yang nyata memiliki tanda-tanda kekelakuan atau keperempuanan dan dapat dibezakan sama ada lelaki atau perempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri alat kelamin tersebut atau berdasarkan dari alat yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu. Jantina bayi dapat dikenalpasti dengan jelas berdasarkan alat yang mana yang lebih dominan berbanding dengan yang satu lagi yang kurang berfungsi.

### 2) Khuntha Musykil

Khuntha Musykil ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin dan air kencing keluar serentak dari kedua-dua alat tersebut dan identiti jantinya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh. Musykil ini hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula keluar air kencing atau yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti.

Manakala Mukhannath pula ialah lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti perempuan, berpakaian perempuan dan berperasaan seperti perempuan.

## Fenomena Golongan Transeksual Atau Mak Nyah (Mukhannath) di Malaysia

Di Malaysia, isu transeksual dianggap sebagai fenomena yang kompleks kerana melibatkan pelbagai faktor termasuk isu biologi, psikologi, persekitaran dan sosial mereka yang terlibat.

Secara umumnya, gambaran masyarakat terhadap kelompok transeksual ini menjurus kepada lelaki yang bersifat keperempuanan atau perempuan yang bersifat kekelakuan. Ia sering dikaitkan dengan homoseksualiti atau lesbian iaitu pola perlakuan seksual manusia yang merujuk kepada reaksi erotik, fantasi dan perlakuan seksual dengan kaum sejenis. Berdasarkan pola ini, golongan homoseksual atau lelaki yang berlagak perempuan digelar bapak, pondan atau mak nyah (mukhannath) dan mendominasi bilangan golongan transeksual. Dianggarkan terdapat lebih 10,000 mak nyah di Malaysia dan 70 hingga 80 peratus berbangsa Melayu-Islam.

Menurut Prof. Madya Dr. Teh Yik Khoo, pensyarah bidang psikologi Universiti Utara Malaysia, berdasarkan kajian ke atas 507 mak nyah, mendapati hanya 19 peratus yang melakukan pembedahan penukaran jantina. Kebanyakan menyedari bahawa pembedahan untuk menukar jantina adalah haram seperti yang diputuskan oleh fatwa. Kajian juga mendapati, asas keengganan ini adalah kerana kebimbangan mayat mereka tidak dapat dimandi, dikafan dan diuruskan dengan sempurna kerana kekeliruan jantina. Mereka merasa aib jasad 'wanita' mereka disempurnakan oleh lelaki kerana Islam tetap menganggap mereka adalah lelaki walaupun dari segi fizikal tidak menunjukkan demikian.

Persoalannya, adakah wajar permohonan semua individu yang telah menjalani pembedahan untuk menukar jantina di MyKad diluluskan? Sekiranya undang-undang yang sedia ada tidak membenarkan sama sekali apa-apa pindaan terhadap maklumat diri di MyKad, tidakkah ini bermakna berlaku penganiayaan kepada golongan khuntha yang menukar jantina dan dianggap sah di sisi syara'?

## Hujah dan Dalil

### Kedudukan Mukhannath di dalam Islam

Pembedahan untuk menukar jantina samaada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jelas bercanggah dengan hukum syara'. Perbuatan ini adalah haram kerana ia semata-mata mengikut hawa nafsu, terpedaya dengan godaan syaitan, tidak mensyukuri nikmat kejadian diri dan termasuk dalam kategori mengubah kejadian Allah S.W.T. seperti firmanNya ;

وَلَا ضَلَّئَهُمْ وَلَا مَیْنَهُمْ وَلَا مَرْنَهُمْ  
فَلْيَبْتَئِكُنَّ آذَانَ الْأَنْعَامِ  
وَلَا مَرْمَهُمْ فَلْيَغْيِرْنَ خَلْقَ اللَّهِ  
وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ  
دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا

Maksudnya : "Dan demi sesungguhnya, aku (syaitan) akan menyesatkan mereka (dari kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu, dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain Allah maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang nyata".

(surah an-Nisa' : 119)

Dalam konteks lelaki yang dikurniakan Allah dengan sifat lembut, mereka harus redha dan berpuas hati. Amat tidak wajar mereka mengambil kesempatan daripada anugerah itu untuk menampilkan dirinya sebagai wanita dengan melayan nafsu membeli alat solek, berpakaian wanita, gerak geri lemah gemalai dan lebih aib lagi mengadakan hubungan dengan kaum sejenis mereka. Perbuatan ini

adalah dilaknat berdasarkan sebuah hadis yang menyebut :

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال : لعن النبي صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال، والمترجلات من النساء

Maksudnya : "Dari Ibnu Abbas r.a. berkata, Rasulullah S.A.W. melaknat mukhannath (lelaki yang meniru kelakuan perempuan) dari kalangan lelaki dan mutarajilah (perempuan yang meniru kelakuan lelaki) dari kalangan perempuan".  
(Riwayat al-Bukhari)

Dalam konteks ini, ulama' kontemporari yang terkenal Syekh Dr. Yusuf al-Qardhawy berpendapat bahawa larangan Islam ke atas lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya adalah termasuk melalui percakapan, gerak geri, lenggok jalan, pakaian dan sebagainya. Ia bukan sahaja dilaknat tetapi bagi beliau ianya merupakan ancaman yang merbahaya kepada kehidupan bermasyarakat kerana sikap ini melanggar nilai normal dan menentang tabiat semulajadi. Sedangkan lelaki dan perempuan dijadikan dengan keistimewaan masing-masing. (Dr. Yusuf al-Qardhawy:84)

Di Negeri Selangor, undang-undang memperuntukkan bahawa lelaki yang berlagak seperti perempuan adalah melakukan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman. Sebagai contoh dalam Seksyen 30 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 telah memperuntukkan;

"Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

Bagaimanapun, Enakmen ini tidak memperuntukkan mengenai mana-mana perempuan yang berpakaian atau berlagak seperti lelaki di tempat awam sebagai kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

### Pertukaran Jantina Bagi Golongan Khuntha

Seperti yang telah disebutkan, ulama' Fiqh telah membincangkan isu ini dan membahagikan kepada dua bahagian iaitu khuntha wadhih dan khuntha musykil. Dalam kes ketidaktentuan jantina seperti ini, syara' memberi pengecualian kepada golongan khuntha untuk menentukan jantina melalui pembedahan dengan syarat disokong oleh keterangan pakar dalam bidang tersebut.

Kelonggaran adalah khusus sebagai masalah bagi membolehkan individu itu dapat menjalani kehidupan dengan baik dan melaksanakan tanggungjawab sebagai muslim dengan lebih sempurna. Mereka yang termasuk dalam kategori ini, wajar diberi pertimbangan agar meluluskan permohonan mereka untuk menukar status jantina di MyKad. Ini bertepatan dengan kaedah fiqhiyyah

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya : "Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh berbuat hal yang memudaratkan."

### Kesimpulan

Isu penukaran status jantina di MyKad adalah suatu isu yang kompleks kerana ia melibatkan pelbagai faktor yang perlu diberi perhatian sebelum suatu fatwa dapat diputuskan. Di antara kesimpulan yang diperolehi di sini ialah :

- Islam hanya membenarkan golongan khuntha (hermaphrodites) untuk menjalani pembedahan menukar jantina dengan disokong oleh keterangan pakar muslim yang amanah.
- Bagaimanapun, adalah haram bagi perempuan yang berlagak seperti lelaki dan lelaki berlagak seperti perempuan (mukhannath) termasuk berpakaian perempuan, bersolek, mengambil pil hormon untuk membesarkan payu dara dan lebih-lebih lagi menjalani pembedahan untuk menukar jantina.
- Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik lelaki yang telah menjalani pembedahan menukar jantina kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram dan bercanggah dengan prinsip Islam.
- Penukaran status jantina di MyKad akan membawa implikasi dalam aspek hukum seperti ibadat, aurat, pernikahan, perwalian, pembahagian pusaka, pengurusan jenazah dan sebagainya.





1 Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Perasmian Konvensyen Falak Selangor 2006. 2 S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor. 4 Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 5 Encik Abdul Raza Pegawai Hal Ehwal Islam menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2005 dari Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. 7 Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah di Ampang Jaya, Ampang. 9 Y.B. Tuan Azman bin Wahid, ADUN Bukit Antarabangsa berucap di Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah di Dewan Hamzah, Klang. 12 S.S Dato' Timbalan Mufti Negeri Selangor memberi penyampaian risalah (pamphlet) pada Majlis Penjelasan Fatwa di Klang. 14 Y.D.M Raja Dato' Haji Uzair bin Tengku Zainon Rashid Shah, Engku Penggawa Muda Paduka Maha Raja berucap di Majlis Penjelasan Fatwa Mengenai Ajaran Salah di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. 16 Sebahagian peserta Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. 17 S.S Dato' Timbalan Mufti Negeri Selangor bersama ahli keluarga setelah dipilih sebagai Tokoh Guru 2006 Peringkat Negeri Selangor. 21 S.S Timbalan Mufti Negeri Selangor bersama ahli keluarga setelah dipilih sebagai Tokoh Guru 2006 Peringkat Negeri Selangor.



berucap pada Majlis Konvensyen Falak Selangor 2006. **5** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderamata kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. **6** Ustaz Hairul Anuar Bin Samingan, Penolong Menteri Besar Selangor menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2005 dari Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. **7** Ustaz Hairul Anuar Bin Samingan, Penolong Menteri Besar Selangor menyampaikan cenderamata kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. **8** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Klang. **9** Sesi soal jawab bersama Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. **10** Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Palil, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Sukan Majlis Penjelasan Fatwa di Klang. **11** Y.D.H. Dato' Setia Diraja Dato' Haji Abdul Ghani bin Pateh Akhir, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang menyempurnakan acara Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **12** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **13** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **14** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **15** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **16** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **17** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berucap di Majlis Penjelasan Fatwa di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **18** Ustaz Haji Mohd Basori bin Umar bersalaman dengan Syeikh Mohammad Syed Ali. **19** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan Ahli Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **20** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan Ahli Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat. **21** S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan Ahli Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat.

# Anda Bertanya

## Jabatan Mufti Menjawab

### Soalan 1:

Apakah hukum menyegerakan urusan pengebumian jenazah?

#### Jawapan:

Hukum menyegerakan pengebumian jenazah adalah sangat dituntut. Satu daripada penghormatan kepada jenazah ialah dengan melaksanakan urusan pengebumiannya dilakukan atas kadar segera. Namun demikian, sekiranya jenazah berkenaan terlibat dengan siasatan pihak berkuasa dalam tempoh yang munasabah, maka kelewatan adalah diharuskan sepertimana sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Daripada Ali r.a., daripada nabi s.a.w. berkata:

*"Wahai Ali, tiga perkara yang tidak boleh dilambatkan iaitu; sembahyang apabila masuk waktunya, pengurusan jenazah apabila sudah tiba kematian dan wanita apabila sudah dapat jodohnya yang sesuai."*

Diriwayatkan oleh At- Tirmizi, Ahmad dan Al- Hakim

والله أعلم

### Soalan 2:

Apakah hukum seorang wanita Islam ketika bersalin dirawat oleh doktor lelaki yang bukan Islam?

#### Jawapan:

Hukum jika seorang doktor lelaki merawat pesakit perempuan yang sedang bersalin adalah haram kecuali dalam keadaan darurat di mana tiada doktor perempuan pada masa itu, maka hukumnya adalah harus mendapat rawatan dari doktor lelaki walaupun bukan Islam.

والله أعلم

### Soalan 3:

Apakah hukum memakai minyak wangi yang mengandungi alkohol?

#### Jawapan:

Hukum memakai minyak wangi yang mengandungi alkohol adalah harus. Ini adalah kerana alkohol yang digunakan dalam minyak wangi, tidak melalui proses seperti pembuatan arak. Jika alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis. Alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.

والله أعلم

**Soalan 4:**

*Apakah hukum orang Islam makan di rumah orang bukan Islam (makanan itu dimasak oleh tuan rumah)?*

**Jawapan:**

Harus orang Islam makan makanan yang dimasak oleh orang bukan Islam sekiranya masakannya tidak diragui tentang halalanya dan tidak mengandungi bahan-bahan bernajis. Berhubung masalah ini, Rasulullah s.a.w. pernah makan makanan yang diberi oleh orang Yahudi melalui Saidatina Aishah r.a.

والله أعلم

**Soalan 5:**

*Apakah hukum mengambil insurans dari segi syarak?*

**Jawapan:**

Adalah diharamkan dalam Islam mengambil insurans yang mengandungi unsur-unsur gharar (tidak jelas), walau bagaimanapun umat Islam mempunyai pilihan dengan menyertai skim perlindungan Islam seperti Takaful Nasional, Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas dan lain-lain yang selaras dengan syariat Islam.

والله أعلم

**Soalan 6:**

*Apakah hukum dan syarat-syaratnya pakej umrah melalui bayaran secara ansuran?*

**Jawapan:**

Ibadat umrah hukumnya sunat. Adapun melaksanakan ibadat umrah melalui kaedah pinjaman secara ansuran hukumnya harus dengan syarat diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan tidak menjejaskan kehidupan normalnya.

والله أعلم

**Soalan 7:**

*Apakah hukum menggunakan air sebagai terapi semulajadi?*

**Jawapan:**

Penggunaan air sebagai terapi dalam rawatan rohani dan jasmani adalah harus, dengan syarat tidak meyakini bahawa air tersebut mempunyai kuasa yang boleh memberi kesan terhadap diri seseorang dan mengatasi kekuasaan Allah.

والله أعلم

**Soalan 8:**

*Adakah lelaki Muslim dibenarkan memakai cincin yang diperbuat daripada emas putih?*

**Jawapan:**

Hukum bagi lelaki Islam memakai cincin emas putih adalah haram. Emas putih merupakan campuran daripada pelbagai unsur logam iaitu emas kuning, tembaga, nickel, zink dan platinum. Kadar emas yang dicampurkan adalah lebih tinggi daripada unsur lain.

والله أعلم

# مبيننا كلوارك بهاكيا مغيكوت سنه رسول الله صلى الله عليه وسلم

اوليه : حاج زين العابدين بن حاج سليمان (بهاكين قللك)

## فندهولوان

إسلام ملتقن فركهوين سباكاي ساتو درقد تونتوتن عبادة ياءيت دالم باب مناكحات يغ برمولا سقق دري برتونخ، نكاح، جراي دان روجوع. ماعنسي قد عموم من مقوياءي نالوري ائين منجاري فاسغن اونتوق ملغكفن كهيديوغن سباكاي خليفه دأنس موكا بومي سوقيا اي بر كمبغ تنفا مقيرا اكام، قوم، بغسا دان كتورونن هيغك براخيرن دنيا اين. اين برداسر كن فرمان الله:

وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْزُلِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا (النحل : ٧٢)  
يغ بر مقصود : " دان الله منجاديكن باكي كامو ايسري-ايسري درقد جنيس كامو سنديري دان دجاديكن درقد ايسري كامو انق-انق دان جوجو-جيحيث...."

نالوري اين تربوك كشد سما فريغتت كهيديوغن ماعنسي سام اد يغ كاي، مسكن، برعلمو، جاهيل، سمقورنا صفتن اتاقون تيدق. ليه-ليه لاكي كشد مريك يغ ائينكن انق دان كتورونن يغ اكن موارثي كهيديوغن مريك ستله كمبالي مغادف الله دغن منيغكلكن انق يغ صالح.

اونتوق بركهوين ميمغ موده تنافي اونتوق منداقتن كباكياين اداله ساتو فركارا يغ فرلو كشد علمو دان فندوان يغ بوليه منجادي جونتوه ايكونن اونتوق فاسغن ترسبوت .

منوروت اجرن اسلام فركهوين اداله ساله ساتو دري سنه نبي محمد صلى الله عليه وسلم يغ منجادي ايكونن اومتن دغن منجوتوهي رسول الله صلى الله عليه وسلم سباكاي جونتوه مغوروس رومه تغكان دان ملقسناكن تغكوغجواب سباكاي سوامي، قميمشين، فنديديق دان سباكايين، جوك دغن ايسري-ايسري رسول الله يغ سنتياس طاعة كشد سوامي .

## كليهن بركهوين

ستياف فركهوين يغ دديريكن، سوده فسي اكن منداقتن كبايكن دان كليهن كشد فاسغن بركنائن، انتارن :

- منداقت دعاء دري انق يغ صالح : سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ بر مقصود : " اقايبلا ماتي انق ادم ملك ترفوتوس سكاللا عملنن ملاينكن درقد تيك فركارا، صدقة جارية، علمو يغ ميري منقة دان انق صالح يغ مندعاءكن كدوا ايبو بفان. "
- منجاك كحرمن ديري دري ملاكونن فركارا معصية : سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ بر مقصود : " بارغ سباقا يغ بركهوين، سسوغكوهن ترقليهارا ستغه دري اكامان ملك تاكوت اوليه كامو اكن الله قد ستغه يغ تيغكل. "
- فهالا عبادهن دكنداكن : منوروت عبدالله بن عباس " تبادا سمقورنا عبادة اورغ يغ مغرجاكن عبادة ايت هيغك اي بركهوين. "

## توجوان فركهوين

١ . منجاري كباكياين هيدوف : سساورغ سهاروسن مغتاوهي توجوان يغ جلس كناف اياث بركهوين؟ اداكه كران نفسو ، هرتا اتاو يغ لابين دري تونتوتن يغ دهاروسكن اوليه شرع. انتارا توجوان نكاح يغ منداقت كنجانان ديسيبي الله ايله اونتوق منداقتن كباكياين دان كاسيه سايع انتارا سوامي دان ايسري، دان بلس كاسيه يغ دهارفكن سقوتي يغ تله دجلسكن اوليه الله سبحانه وتعالى.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ (الروم : ٢١)  
يغ بر مقصود : دان انتارا تند-تندا (يغ مبوقتيكن ككواساين دان رحمتن) بهاوا دي منجيتاكن اونتوق كامو ايسري-ايسري درقد جنيس كامو سنديري، سوقيا كامو هيدوف بهاكيا دغنن دان دجاديكنن انتارا كامو (سوامي ايسري) كاسيه سايع دان بلس كاسيهين. سسوغكوهن يغ دمكين ايت مغندوغي كترغن-كترغن (يغ منيمبولكن كسدرن) باكي اورغ يغ برثيكي.

٢ . مغيكوت سنه نبي محمد صلى الله عليه وسلم : سنه اياه سكالاً قرتوتورن، قربواتن دان قعاكوان نبي دالم كهيدوفتن يغ برتوجوان اونتوق دجادىكن ايكوتن. مك كيت جادىكن رسول الله سباكاي جونتوه دان ايكوتن سقرتي يغ دجلسكن اوليه الله سبحانه وتعالى دالم القرعان:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ (الاحزاب : ٢١)  
يغ برمقصود: سسوغكوهن باكي كامو قد ديرى رسول الله ايت موديل ايكوتن يغ باعيق ... ..

اين دجلسكن دالم حديث يغ برمقصود: "نكاح ايت سنهكو سسياقا يغ تيدق كمر مغيكوت سنهكو مك اي بوكن دري كولوغنكو"

اونتوق دثراكوي سباكاي اومت نبي محمد صلى الله عليه وسلم. سساورغ هندقله مغيكوت سنهن. ستياف فاسغن هندقله اي برنية كتيك مان اي هندق دنكاحكن منجوتوهي رسول الله صلى الله عليه وسلم سرفايا تيدق سيا-سيالا نكاحن.

فاسغن سوامي ايسرتي اكن لبيه منداقت كهاكياىن كيران اي دافت مغيكوتي عملن رسول الله صلى الله عليه وسلم، انتارن:

• . صلاة برجماعه : سلاعين دري منداقت قهالا يغ بركندا ايان جوك مندوروغ صفة كطاعتن يغ سقنوهن ساورغ ايسرتي كقد سوامي. دان سوامي برتغكوغجواب ترهادف ايسرتين اونتوق ميمقين كلواركان كجالن يغ دريضاى اوليه الله. ستله سلساي مخرجان صلاة مريك اكن سام-سام بردعاء موهون كيركن دان كهاكين دنيا دان اخيرة.

• . ماكن برسام : عملن اين سريغ دلاكوكن اوليه رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ سقنوتن كيت جونتوهي كران كتيك ماكن بوليه مميري تونجوق اجر دان موجودكن سواسان مسرا كقد اتق-اتق دان ايسرتي.

• . مندي برسام : مندي اداله عملن بياسا باكي كيت ستياف هاري اونتوق ميسيهكن دان منسوجيكن اغكوتا بادن كيت دري نجيس دان حدث اونتوق مخرجان عبادة صلاة . اوليه ايت جارا مندي حدث ساورغ ايسرتي منجادي تغكوغجواب سوامي اونتوق مغاجرن. حال سقرت اين قرنه دجريتاكين اوليه ايسرتي بكيندا عائشة رضى الله عنها، بهاوا رسول الله صلى الله عليه وسلم قرنه مندي برسام دغن سباكايان سبواه حديث:

وعن عائشة رضي الله عنها قالت: كنت أغتسل أنا ورسول الله (صلى الله عليه وسلم) من إناءٍ واحدٍ تختلف أيدينا فيه من الجنابة. (البخاري - كتاب الغسل -)

يغ برمقصود: دري سيدتنا عائشة رضى الله عنها كاتان: اداله اكو مندي حدث برسام رسول الله صلى الله عليه وسلم دري بكس يغ ساتو , تاغن كامى برسلغن دالم

• . برسكف عاديل ترهادف ايسرتي : رسول الله صلى الله عليه وسلم ستيتاس ملاين ايسرتي-ايسرتين دغن عاديل افايلا رسول الله صلى الله عليه وسلم هندق مسافير اي اكن مغوندي دكالاغن ايسرتين دغن منجابوت اتق فانه مك سسياقا يغ منداقت اتق فانه ترسيوت مك اي اكن مسافير برسام رسول الله صلى الله عليه وسلم. حال سقرت اين قرنه دجريتاكين جوك اوليه ايسرتي بكيندا عائشة رضى الله عنها دالم سبواه حديث:

عن عائشة رضي الله عنها قالت كان رسول الله إذا أراد سفرا أقرع بين نسائه فأيتهن خرج سهمها خرج بها معه (البخاري- كتاب الهبة وفضلها والتحريض عليها)

• . برسوكن : رسول الله ممفوباي صفة له لمبوت، دان منجوقكن سباكاي سوامي يغ قبايغ دان مغهيپوركن ايسرتي، سرتا برتولق انسور دغن ايسرتين.

وروي أنه - صلى الله عليه وسلم- سابقها فسبقته، ثم سابقها بعد ذلك فسبقه .  
دروايكن دري سيدتنا عائشة رضى الله عنها بهاوا رسول الله صلى الله عليه وسلم . برلومبا لاري برسامان، رسول الله مندهولوى دان اي مندهولوى رسول الله صلى الله عليه وسلم كمدين اي برلاون لاكي مك رسول الله صلى الله عليه وسلم مندهولوى .

## فتوتوف

كيت هندقله كمبالي كقد سنه رسول الله اونتوق منداقتن كهاكياىن دان كاسيه سايغ دالم رومتهغكا اكر ايان دافت بر ككالن سهيغك اخير حياة سموك قريينجغن اين دافت كيت امبيل منقعة برسام اونتوق ممينا كلوارك بهاكيا " بيتي جنتي " .

# GERHANA BULAN

Oleh : Ustaz Hairul Anuar B. Samingan (Bahagian Falak)

**"...apabila kamu melihatnya maka dirikanlah sembahyang dan berdoalah kepada Allah sehinggalah Allah meneranginya semula kepada kamu..."**

## Pendahuluan

Gerhana bulan merupakan fenomena alam yang berkaitan dengan pergerakan, posisi dan keadaan objek-objek di langit. Ketakjuban manusia terhadap objek-objek di langit dan fenomena yang diwujudkan, melahirkan pelbagai persepsi dan pemikiran tentang alam semesta. Umat Islam sebagai komuniti masyarakat di dunia, walaupun tidak mempertuhankan dan mendewakan objek-objek di langit, masih menggunakan bulan dan matahari sebagai panduan waktu ketika melaksanakan ibadah seperti pelaksanaan solat lima waktu dan ibadah puasa. Menurut falak, fenomena gerhana bulan yang berulang kali adalah bersesuaian dengan sunatullah, hukum yang mengatur alam.

## Gerhana Dari Perspektif Sejarah Islam

Gerhana bulan penuh berlaku pada 18 Oktober 571 manakala gerhana Matahari berlaku pada 20 April 571 bersamaan 12 Rabi'ul Awal tahun Gajah di tahun kelahiran Nabi. Fenomena gerhana ini berlaku tatkala hancurnya tentera gajah oleh burung Abaabiil dengan batu yang panas (mungkin meteorite yang panas) dan lahirnya Rasulullah, pemimpin besar umat manusia. Selain itu, pernah terjadi peristiwa gerhana matahari pada hari wafatnya putera Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang bernama Ibrahim. Keadaan ini telah ditafsirkan oleh orang ramai sebagai tanda dukacita alam terhadap kewafatan tersebut. Oleh itu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah menjelaskan perkara tersebut dalam hadith yang bermaksud :

Hadis Abu Mas'ud Al-Ansari r.a katanya: *Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah. Kedua-duanya (ketika berlaku gerhana) digunakan oleh Allah untuk menakutkan (memberi amaran) kepada para hambaNya dan keduanya tidaklah menjadi gerhana disebabkan kematian seseorang di antara manusia. Oleh itu apabila kamu melihatnya maka dirikanlah sembahyang dan berdoalah kepada Allah sehinggalah Allah meneranginya semula kepada kamu*

(Sahih Muslim)

Ahli-ahli falak Islam silam, seperti Ibnu Yunus

(1009M) telah merakodkan 2 kejadian gerhana yang berlaku di antara Kota Baghdad dan Cairo. Beliau telah membuat satu pencerapan gerhana matahari dan tiga gerhana bulan dari Masjid Abu Jaafar, Cairo. Rekod ini menunjukkan bahawa menara-menara masjid yang tinggi dalam senibina Islam sebenarnya berfungsi sebagai tempat untuk membuat cerapan langit.

## Perbezaan Ijtimak dan Gerhana

Dalam pergerakan bulan mengelilingi bumi, separuh bahagian bulan sentiasa mendapat sinaran matahari. Bagi pemerhati di bumi pula, fasa bulan yang dilihat adalah berbeza-beza. Ketika bulan purnama, bahagian bulan yang bercahaya menghadap sepenuhnya ke arah bumi. Manakala ketika ijtimak (bumi, bulan & matahari berada segaris ketika proses lahirnya bulan baru), bahagian bulan yang gelap menghadap ke arah bumi.

Dalam kedua-dua keadaan ini, iaitu ketika bulan purnama dan ijtimak, bumi, bulan dan matahari berada segaris, tetapi tidak pada satu satah yang sama manakala gerhana pula akan hanya berlaku apabila bumi, bulan dan matahari berada segaris dan sesatah atau dikatakan berlakunya penjajaran sempurna ketiga-tiga objek samawi berkenaan.

## Fenomena Gerhana Bulan

Bulan diumpamakan lampu yang memberi cahaya kepada bumi pada waktu malam. Kadar cahayanya berbeza-beza bergantung pada fasa bulan bermula dari fasa anak bulan, suku muda, purnama, dan kembali menjadi suku tua. Gerhana

bulan berlaku apabila bumi berada sesatah dengan garisan bulan dengan matahari ketika fasa purnama. Ketika ini cahaya matahari yang biasanya sampai sepenuhnya ke bulan, menjadi terhalang kerana terlindung oleh bumi. Tumpukan gelap di permukaan bulan ketika berlakunya gerhana sebenarnya adalah bayang-bayang bumi yang jatuh di permukaan bulan. Gerhana bulan jika berlaku boleh disaksikan sebahagian penduduk bumi yang mengalami malam ketika itu. Pergerakan bumi mengelilingi matahari akan mewujudkan dua kawasan zon bayangan, iaitu zon bayangan umbra dan zon bayangan penumbra. Zon bayangan ini mengunjur sejauh 1.4 juta kilometer dari bumi dan terapung-apung di angkasa. Ketika dalam keadaan purnama biasa, bulan berada di sebelah luar zon bayangan ini. Gerhana bulan berlaku apabila bulan purnama memasuki kawasan zon bayangan ini.

Firman Allah s.w.t :

*"Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa".*

(Surah Yunus, ayat 5)

Ayat-ayat di atas menjelaskan pergerakan bulan dan matahari adalah dalam orbit masing-masing. Pengetahuan mengenai orbit ini membolehkan ahli-ahli falak menyediakan almanak (zij falak) yang tepat untuk pelbagai kegunaan seperti untuk mengetahui kemungkinan berlakunya gerhana pada bulan-bulan tertentu.

### Jenis Gerhana Bulan

Terdapat tiga jenis gerhana bulan kemungkinan boleh berlaku bergantung kepada kedudukan bulan dengan zon bayangan. Jenis-jenis gerhana bulan ialah :



#### (1) Gerhana Warna

Ketika berlaku gerhana, bulan memasuki hanya kawasan penumbra sahaja. Maka gerhana bulan yang berlaku adalah dari jenis gerhana warna atau dinamakan juga sebagai gerhana penumbra. Bagi pemerhati di bumi, permukaan bulan yang mengalami gerhana warna kelihatan bertukar dari putih bersinar ke warna putih suram disebabkan faktor cuaca dan kekuatan cahaya bulan purnama. Perubahan warna ini sukar dikesan dengan mata kasar menyebabkan gerhana warna selalunya tidak disedari oleh pemerhati di bumi.

#### (2) Gerhana Penuh

Gerhana penuh pula berlaku apabila keseluruhan jasad bulan memasuki ke dalam kawasan umbra. Ketika ini, bulan kelihatan terapung-apung di angkasa dalam keadaan tanpa cahaya. Walau bagaimanapun, pemerhati-pemerhati di bumi dapat melihat warna bulan ketika ini berwarna merah tembaga, sebagai kesan pembalikan cahaya dari luar kawasan umbra. Peringkat gerhana bulan penuh bermula apabila bulan memasuki kawasan penumbra, selepas itu sedikit demi sedikit bulan akan memasuki kawasan umbra.

Bagi pemerhati di bumi, mereka akan dapat menyaksikan tompokan bayang bumi secara perlahan-lahan mula menutupi permukaan bulan sehingga menjadi gelap sepenuhnya. Jangka masa bulan berada di kawasan umbra adalah di antara 50 hingga 102 minit. Selepas mengalami gerhana penuh, bulan akan memasuki semula ke kawasan penumbra, menyebabkan sedikit demi sedikit bulan mula kelihatan bercahaya semula.

(3) Gerhana sebahagian pula berlaku apabila bulan memasuki hanya pada sebahagian sahaja kawasan umbra.



### Fenomena Gerhana Bulan 2006

Terdapat tiga jenis gerhana bulan kemungkinan boleh berlaku bergantung kepada kedudukan bulan dengan zon bayangan. Jenis-jenis gerhana bulan ialah :

#### (1) Gerhana Bulan Penumbra - 15 Mac 2006/15 Safar 1427 Hijrah

Di Malaysia ia akan berlaku pada waktu-waktu tersebut:

|                      |               |
|----------------------|---------------|
| Moon enters penumbra | : 2006 Mar 15 |
|                      | 05:21:22 AM   |
| Maximum eclipse      | : 2006 Mar 15 |
|                      | 07:47:21 AM   |
| Moon leaves penumbra | : 2006 Mar 15 |
|                      | 10:13:21 AM   |


Gerhana penumbra amat sukar untuk dikesan kerana bulan memasuki kawasan bayang-bayang penumbra sahaja, yakni kawasan yang tidak begitu gelap. Oleh itu agak sukar untuk melihat kesan bayang-bayang ini pada permukaan bulan. Berdasarkan jadual di atas, gerhana ini bermula pada jam 5.21 pagi. Ketika ia berada di puncak gerhana, bulan telahpun terbenam. Di bawah ialah altitud (ketinggian) bulan ketika setiap fasa gerhana tersebut.

|                      |          |
|----------------------|----------|
| Moon enters penumbra | : 29.1°  |
| Maximum eclipse      | : -6.5°  |
| Moon leaves penumbra | : -41.7° |

#### (2) Gerhana Separa Bulan - 8 Sep 2006 /15 Sya'aban

Gerhana bulan separa ini agak serupa dengan gerhana yang berlaku pada 17 Oktober 2005. Kali ini pemerhati berpeluang mencerap keseluruhan fasa gerhana ini. Gerhana bulan separa ini bermaksud bulan melalui sebahagian kecil kawasan bayang-bayang umbra (yang gelap). Justeru, bulan akan kelihatan seperti sompek sedikit. Fenomena ini berlaku selepas waktu tengah malam dan berakhir menjelang waktu Subuh. Jadual di bawah ialah waktu ketika setiap fasa berlaku:

|                      |               |
|----------------------|---------------|
| Moon enters penumbra | : 2006 Sep 08 |
|                      | 00:42:13 AM   |
| Moon enters umbra    | : 2006 Sep 08 |
|                      | 02:04:55 AM   |
| Maximum eclipse      | : 2006 Sep 08 |
|                      | 02:51:11 AM   |
| Moon leaves umbra    | : 2006 Sep 08 |
|                      | 03:37:29 AM   |
| Moon leaves penumbra | : 2006 Sep 08 |
|                      | 05:00:09 AM   |



# TONGKAT ISTIWA



Oleh : Ustaz Hairul Anuar B. Samingan (Bahagian Falak)

## PENGENALAN

Tongkat istiwa ialah satu kaedah tradisional untuk menentukan kedudukan garisan meridian iaitu arah utara/selatan dari sesuatu tempat. Kaedah ini bukan sahaja mudah, tetapi juga tepat. Malahan kebanyakan masjid-masjid lama di Malaysia menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan arah utara bagi penentuan arah qiblat. Dalam kebanyakan kitab falak lama, garisan meridian dinamakan juga sebagai 'garis tengah hari'. Secara teori, sekiranya kita mengetahui satu sudut waktu sebelum istiwa dengan satu sudut waktu yang sama selepas istiwa, maka jarak bayang sesuatu objek tegak yang dibuat dalam dua keadaan tersebut adalah sama. Kaedah ini bukan sahaja dapat memberikan garisan utara dan selatan, malahan juga garisan timur dan barat.

## Cara Penggunaan

1. Letakkan tongkat istiwa di kawasan yang rata dan tidak terlindung dari matahari.
2. Ketika matahari berada di langit timur, bayang tongkat akan jatuh di sebelah barat. Apabila titik hujung bayang menyentuh salah satu bulatan, tandakan titik berkenaan sebagai B. Ikuti seterusnya pergerakan bayang tiang dan tandakan tempat bayang-bayang ini akan menyentuh bulatan-bulatan lain.
3. Selepas istiwa, matahari akan berada di langit barat dan bayang tongkat akan jatuh di sebelah timur. Apabila hujung bayang berkenaan menyentuh bulatan-bulatan yang sama, tandakan sebagai T. Sambungkan titik-titik yang telah ditandakan sebagai B dan T. Ini sebenarnya adalah garisan timur dan barat.
4. Untuk mendapatkan arah utara dan selatan, buatlah satu garisan yang melalui O (iaitu di pusat tongkat) dan bersudut tepat dengan garisan timur dan barat. Sebenarnya garisan yang menunjukkan arah utara benar ini adalah garisan meridian tempatan yang dikehendaki.
5. Daripada ( $B=270^\circ$ ) tambahkan  $22^\circ$  bagi mendapatkan nilai  $292^\circ$  iaitu azimuth arah qiblat di Negeri Selangor. Bagi mendapatkan bacaan azimuth yang lebih tepat, kordinat tempatan hendaklah dihitung menggunakan GPS.



## Mutiara Kata

*"Berusahalah dengan ikhlas tanpa memikirkan balasan semata-mata, kerana semakin tinggi keikhlasan di dalam diri, semakin tinggi pula balasan baik yang akan diperolehi dalam keadaan sadar atau tidak".*

*"Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun. Tetapi adakalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus".*

## PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH KIBLAT APRIL-NOVEMBER 2006

| BIL | NAMA SURAU/MASJID                                                           | TARIKH PENGESAHAN | AZIMUT KIBLAT |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------|-------------------|---------------|
| 1   | SURAU AL-HIDAYAH DESA COALFIELDS SG BULOH                                   | 27/7/06           | 292°31'14"    |
| 2   | SURAU TAMAN SEKAMAT KAJANG                                                  | 27/7/06           | 292°34'33"    |
| 3   | SURAU AN-NAJAH TMN UNIVERSITI KAJANG                                        | 27/7/06           | 292°36'48"    |
| 4   | MASJID BADARIAH & TANAH PERKUBURAN ISLAM<br>KG BATU 12 KAPAR                | 8/8/06            | 292°34'51.9"  |
| 5   | SURAU AL-HIDAYAH PANGSAPURI SRI MELEWAR SEK U1 S.ALAM                       | 9/8/06            | 292°34'33"    |
| 6   | SURAU NURUL AL-HIJRAH KG MELAYU SG SERING HULU KELANG                       | 9/8/06            | 292°29'33"    |
| 7   | SURAU HJ JAMHURI KG SG TENGI KANAN BAROH TG KARANG                          | 10/8/06           | 292°27'54"    |
| 8   | MASJID JAMIUL AHMADI KG SG TENGI KANAN BAROH TG KARANG                      | 10/8/06           | 292°27'58"    |
| 9   | SURAU UBUDIAH                                                               | 10/8/06           | 292°28'04"    |
| 10  | KG SG TENGI KANAN BAROH TG KARANG                                           |                   |               |
| 11  | SURAU BANDAR SUNWAY SEMENYIH                                                | 11/8/06           | 292°35'40"    |
| 12  | SURAU BAITUR RAHMAN SEK 9 PUTRA HEIGHTS SUBANG JAYA                         | 14/8/06           | 292°37'24"    |
| 13  | SURAU TAMAN BUKIT PERMATA SERI GOMBAK                                       | 16/8/06           | 292°28'34"    |
| 14  | SURAU FATIMAH AZ-ZAHRA' SMK TMN TASIK AMPANG                                | 16/8/06           | 292°31'45"    |
| 15  | SURAU AR-RAHMAN BKT RAHMAN PUTRA SG BULOH                                   | 17/8/06           | 292°30'38.5"  |
| 16  | SURAU AL-'ABQORI TMN UNIVERSITI KAJANG                                      | 17/8/06           | 292°37'00"    |
| 17  | SURAU HSBC SEK 13 PETALING JAYA                                             | 21/8/06           | 292°33'15"    |
| 18  | SURAU NURUL ULUM KG SG SIREH TAMBAHAN 2 PEL KLANG                           | 22/8/06           | 292°38'5.98"  |
| 19  | SURAU AL-MOHSIN BT 7 SUJANGKANG                                             | 22/8/06           | 292°39'33.1"  |
| 20  | MASJID ABU BAKAR AS-SIDDIQ SS19/7A SUBANG JAYA                              | 28/8/06           | 292°35'09"    |
| 21  | MADRASAH TAMAN NAKHODA YUSOF KG. JAWA KLANG                                 | 05/09/2006        | 292°37'14"    |
| 22  | SURAU TAMAN KG. KUANTAN SOLOK BIRU KLANG                                    | 08/09/2006        | 292°36'57"    |
| 23  | SURAU AD-DINIAH RUMAH PANGSA TMN. SRI AMAN SEKSYEN 22 PJ                    | 08/09/2006        | 292°33'40"    |
| 24  | SURAU AS-SALAM PANGSAPURI PETALING PERMAI, PETALING JAYA                    | 11/09/2006        | 292°34'15"    |
| 25  | SURAU AL-MUSTAQIM TMN. LESTARI PUTRA, BNDR. PUTRA PERMAI, SERI<br>KEMBANGAN | 18/09/2006        | 292°36'24"    |
| 26  | SURAU KOMPLEKS HENTIAN KAJANG                                               | 18/09/2006        | 292°36'25"    |
| 27  | SURAU DI JLN. KEMUNING PERMAI 33/44 KEMUNING UTAMA, SEKSYEN<br>33 SHAH ALAM | 19/09/2006        | 292°36'55"    |
| 28  | MASJID AR-RAHMAN SG. MANGGIS, KUALA LANGAT                                  | 20/09/2006        | 292°42'16"    |
| 29  | SURAU AL-HAMIDIN TMN. CAHAYA, AMPANG                                        | 21/09/2006        | 292°31'31"    |
| 30  | SURAU JLN. TP 7/4, TMN. PERINDUSTRIAN UEP SUBANG JAYA                       | 26/09/2006        | 292°35'59"    |
| 31  | SURAU AL-RADHIYAH TAMAN TUN PERAK, RAWANG                                   | 28/09/2006        | 292°28'21"    |
| 32  | MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ SEKSYEN 3, JLN. TEMPLER P. JAYA              | 28/09/2006        | 292°33'51"    |
| 33  | SURAU AL KAUTHAR TMN. TELOK GGEDUNG INDAH, PEL. KLANG                       | 02/10/2006        | 292°39'08"    |
| 34  | SURAU RUMAH PANGSA PRIMA SAUJANA, KAJANG                                    | 03/10/2006        | 292°34'43"    |

Bermula dari 31/01/2002 sehingga 04/10/2006 sebanyak 319 buah masjid dan surau telah dijalankan pengesahan arah kiblat.

## Mutiara Kata

*"Setiap jiwa yang dilahirkan telah tertanam dengan benih untuk mencapai keunggulan hidup. Tetapi benih itu tidak akan tumbuh seandainya tidak dibajai dengan keberanian".*

*"Orang yang cemerlang melihat setiap halangan sebagai peluang untuk mengasah potensi, manakala orang yang tidak cemerlang menganggap setiap halangan sebagai alasan yang menyebabkan kemundurannya".*

*"Janganlah kamu berkawan dengan orang yang suka melakukan maksiat, nanti hilang kebencian kamu terhadap maksiat".*

*"Tiada sesuatu yang lebih bahaya kepada seseorang selain daripada kawan yang elak percakapannya tetapi buruk perbuatannya".*

*"Jadikanlah masa yang berlalu itu pengalaman dan pengajaran, masa yang sedang berjalan kita isi dengan amalan dan masa hadapan jangan terlalu diangan-angankan".*

*"Kekayaan yang hilang dapat dikejar kembali dengan kerajinan dan jimat cermat. Kesihatan yang hilang boleh direbut kembali dengan ubat-ubatan. Akan tetapi waktu yang hilang pasti tidak akan kembali".*

*"Perkataan yang baik tidak akan muncul dalam jiwa yang kotor seperti biji benih yang tidak akan tumbuh pada tanah yang gersang".*

*"Ramai orang yang boleh memiliki jam tangan yang tinggi harganya tetapi tidak ramai boleh menetapi masa yang berharga".*